

U GR 30-05 00162 BA231

BAH

Mahathir - UMNO

KOTA BAHARU, 30 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan barisan kepimpinan Perhubungan UMNO Kelantan dengan kemasukan dua muka baru.

Dua muka baru yang menggantikan Perhubungan UMNO Kelantan itu ialah, Rëndahari, Datuk Dr Nik Hussein Nik Abdul Rahman dan Ketua Penerangan, Endik Hassan Harun yang masing-masing menggantikan Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman dan Haji Hassan Ismail.

Perdana Menteri kekal menerajui Perhubungan UMNO Kelantan dengan dibantu oleh Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa sebagai Timbalan Ketua.

Ketika berucap pada majlis perjumpaan khas Jawatankuasa UMNO Bahagian Liga peringkat (UMNO Bahagian, Pemuda dan Wanita) di sini, Dr Mahathir berkata, seorang lagi anggota kepimpinan lama yang dikekalkan ialah Setiausaha Perhubungan, Haji Ahmad Shahibuddin Haji Mohamad Noor.

Beliau meminta setiap anggota UMNO Kelantan tidak mempertikaikan perantikan barisan kepimpinan baru itu dan berharap mereka berkerjasama erat dan bermakna untuk memastikan parti itu berkuasa semula di Kelantan. -- Lagi.

♥30/05/19-00MST

U GR 30-05 00160 BA232

BAH

Mahathir - UMNO 2 Kota Baharu

+Semua pemimpin tidak sempurna, termasuk saya sendiri yang membuat salah di sana-sini dan janganlah terlalu memikirkan mengenainya,+ kata beliau sambil disambut tepukan gemuruh anggota parti yang memenuhi Bangunan UMNO itu.

Beliau menambah kata, malah jawatankuasa yang baru dipilih itu juga mempunyai kekurangan sebagai manusia biasa, tetapi mereka perlu dimaafkan oleh semua anggota parti dengan memberi sokongan penuh kepada mereka.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat negeri Kelantan supaya mengikis semangat +Kekelantanan+ jika mereka ingin melihat pemimpin dari negeri ini menjadi pemimpin parti dan kerajaan di peringkat pusat.

+Kalau dilekankan sangat mesli orang Kelantan jadi Perdana Menteri, itulah satu cara orang Kelantan tidak akan menjadi Perdana Menteri,+ tegas beliau.

Perdana Menteri juga memberitahu anggota-anggota parti bagaimana Dr Jeffrey Kilingan (adik Ketua Menteri Sabah) pernah menemui beliau suatu waktu sebelum pilihan raya umum lepas dan bertanyakan sama ada orang Sabah boleh menjadi Perdana Menteri. -- Lagi.

♥30/05/19-01MST

CNS0645

U GR 30-05 00215 BA233

RAH

Mahathir - (MNO) 3 Kota Bharu

+Saya jawab tidak boleh, tetapi orang Malaysia boleh. Kalau harap daripada nama Sabah untuk menjadi Perdana Menteri, orang lain tidak akan terima,+ kata Dr Mahathir.

Pada majlis yang sama, bekas Ketua Pemuda Semangat 46 yang juga Anggota Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali menyerahkan sebahagian daripada 19,075 borang keanggotaan kemasukan semula bekas anggota Semangat 46 ke dalam (MNO kepada Perdana Menteri.

Pada persidangan akhbar selepas upacara itu, Perdana Menteri berkata, tidak ada apa-apa lawaran terlintu dikemukakan kepada Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat semasa beliau merasmikan Jambatan Pasir Mas - Salor pagi tadi.

Ketika ditanya sama ada lawatan beliau itu akan mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Pusat dengan Kelantan, beliau berkata, soal hubungan lebih erat tidak timbul kerana hubungan antara Pusat dengan Negeri berjalan seperti biasa mengikut peralunan undang-undang.

+Apa yang menjadi langgungjawab kepada Kerajaan Pusat kepada Kelantan telah dan akan ditunaikan dan apa dia yang lebih daripada itu yang perlu kita buat?+ soal beliau.

Beliau mengakui terdapat perbezaan bentuk perhubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan kerana +dahulu ada perhubungan herasaskan parli yang sama, sekarang ini perhubungan dengan parli yang menjadi pembangkang, jadi hubungan itu antara parli kerajaan dengan pembangkang.+ -- Bernama.

♥30/05/19-03MST